

22/09/2003

PTPTN perlu RM3b

IPOH: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memerlukan peruntukan antara RM2.5 hingga RM3 bilion setahun apabila melaksanakan beberapa skim kemudahan pinjaman baru seperti yang diumumkan pada Bajet 2004.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Husny Hanadzlah berkata, PTPTN perlu mengkaji semula rancangan kewangannya memandangkan tempoh pembayaran pinjaman serta kadar faedah lebih rendah memberi kesan pada aliran kewangan perbadanan itu.

"Aliran kewangan PTPTN akan terjejas kerana pelajar hanya akan membayar pinjaman selepas tempoh tiga tahun mereka bekerja," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Pembentukan Keluarga/Masyarakat Penyayang sempena pelancaran Antidadah Kebangsaan Gugusan Manjoi di Padang Kampung Tengku Hussein dekat Manjoi, semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin. Turut hadir pada majlis itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Manjoi yang juga Pengerusi Majlis Belia Perak, Datuk Nadzri Ismail.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas Bajet 2004 oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 September lalu.

Dalam bajet itu, kerajaan antara lain mengumumkan kadar faedah pinjaman PTPTN akan diturunkan dari empat kepada tiga peratus.

Mengulas lanjut perkara itu, Husny berkata, pinjaman pelajaran PTPTN juga meliputi kemudahan pinjaman pembelajaran pelajar luar negara yang mengambil jurusan berkaitan Agama Islam.

Beliau berkata, kerajaan memberi peruntukan pinjaman itu yang mana jelas membuktikan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) mementingkan kebajikan sosial rakyat terutama dalam bidang pendidikan.

"Peruntukan pinjaman yang diberikan melalui PTPTN ini jelas membuktikan kesungguhan kerajaan memberi sokongan kepada bidang pendidikan Islam di negara ini," katanya.